

DATE : 6 May 2015
PUBLICATION : Sinar Harian Online
SECTION :
HEADLINE : Maybank AM perkenal dana ekuiti Islam



Maybank AM perkenal dana ekuiti Islam

MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID
6 Mei 2015



< 1 / 1 >

MAYBANK Asset Management Sdn Bhd (Maybank AM), memperkenalkan dana ekuiti Islam pertama, Maybank Bosera Greater China Asean Equity-i Fund (Dana Maybank Bosera) bagi meraih potensi besar dalam pasaran ekuiti di China dan Asean.

Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Asset Management Group (MAMG), Nor'Azamin Salleh berkata, dana ekuiti berlandaskan syariah ini bermatlamat mencapai pertumbuhan modal tempoh jangka panjang untuk dilabur dalam saham mengikut syariah atau lain-lain sekuriti yang bersamaan dengannya.

"Ia akan menokok kepada portfolio pelaburan berlandaskan Syariah Maybank AM yang berjumlah RM6.6 bilion sehingga 31 Mac 2015 yang mana dalam tempoh sama jumlah aset dibawah pengurusan Kumpulan Maybank AM berjumlah RM15.2 bilion.

"Kami sasarkan AUM bagi aset berlandaskan syariah kami meningkat kepada RM9 bilion tahun ini, naik RM2.4 bilion daripada jumlah AUM semasa kami," katanya selepas melancarkan dana itu, semalam.

Nor'Azamin berkata, Maybank AM turut menyasarkan pulangan daripada Dana Maybank Bosera sebanyak tujuh hingga 12 peratus setahun atas asas pusingan pelaburan selama tiga tahun.

"Dana ini berlandaskan syariah pertama yang diperkenalkan di bawah skim pasport Asean yang membolehkan pelabur mendapat peluang meraih potensi ditawarkan ekuiti Islam di China dan Asean.

"Kami akan mengekalkan peruntukan nilai aset bersih (NAV) dana ini sebanyak 35 peratus bagi setiap satu pasaran ekuiti China dan Asean, manakala dua hingga 30 peratus akan dilabur dalam aset mudah tunai Islam termasuk instrumen pasaran wang Islam dan penempatan persendirian dalam deposit Islam untuk tujuan mudah tunai," katanya.

Produk ini diwujudkan bagi memenuhi permintaan yang semakin berkembang di kalangan pelabur berpengetahuan dan mempunyai pendedahan luas di kalangan masyarakat.